

TAKAFUL KREDIT PERDAGANGAN

Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Maklumat Produk (LMP) ini memberikan anda maklumat penting mengenai Perlindungan Perdagangan anda.

Pelanggan lain telah membaca LMP ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga disarankan untuk membacanya.**



Export-Import Bank of Malaysia Berhad
(Anak syarikat Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB))

Tarikh:

1. Apakah Takaful Kredit Perdagangan?

Takaful Kredit Perdagangan (Trade Credit Takaful/TCT) ialah produk yang ditawarkan oleh EXIM Bank untuk memberikan jaminan pembayaran bagi eksport atau import barangan atau perkhidmatan tulen dan patuh Syariah daripada pembeli luar negara atau domestik. TCT boleh diberikan kepada bank komersial untuk memudahkan permohonan anda bagi pembiayaan perdagangan dan kemudahan jualan domestik.

Terdapat tiga jenis perlindungan TCT:

- **Eksport:** Perlindungan terhadap risiko kegagalan pembayaran oleh pembeli luar negara.
- **Domestik:** Perlindungan terhadap risiko kegagalan pembayaran oleh pembeli domestik.
- **Import:** Perlindungan terhadap risiko kegagalan pembayaran oleh pembeli domestik yang timbul daripada transaksi perdagangan import barangan strategik.

Model Takaful EXIM Bank adalah berdasarkan Wakalah dan Mudarabah, dan konsep Syariah yang berkenaan ialah Tabarru' dan Qard (jika berkenaan).

- **Wakalah:** Kontrak di mana satu pihak, selaku prinsipal (muwakkil) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu mengenai perkara yang boleh diwakilkan.
- **Tabarru':** Sebahagian daripada sumbangan peserta diperuntukkan kepada dana terkumpul (Dana Risiko), yang digunakan bagi tujuan membayar tuntutan yang dikemukakan oleh pihak menuntut yang layak.
- **Mudarabah:** Kontrak antara penyedia modal dan usahawan. Penyedia modal melanjutkan modal untuk diuruskan oleh usahawan, dan sebarang keuntungan dikongsi mengikut nisbah yang dipersetujui bersama. Kerugian kewangan ditanggung oleh penyedia modal, dengan syarat ia bukan disebabkan oleh salah laku atau kecuaiannya.
- **Qard (jika berkenaan):** Pinjaman tanpa keuntungan di mana peminjam terikat untuk membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Dalam operasi takaful, pinjaman tanpa faedah dilanjutkan daripada Dana Pengendali kepada Dana Risiko sekiranya ia berada dalam defisit. Pinjaman akan dibayar balik apabila Dana Risiko berada dalam kedudukan lebihan.

2. Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sijil takaful di bawah produk ini dikeluarkan untuk tempoh 12 bulan dan boleh diperbaharui setiap tahun. Tempoh perlindungan bagi setiap penghantaran adalah sehingga 180 hari.

TCT menyediakan perlindungan terhadap risiko berikut:

	Eksport	Domestik/Import
Perlindungan	Risiko Komersial: sehingga 90%. Risiko Politik & Negara: sehingga 95%.	Sehingga 90% daripada kerugian yang ditanggung.
Jenis Risiko yang Dilindungi	Risiko Komersial: Ketidakmampuan pembeli atau keingkaran pembeli untuk membuat pembayaran, dan kegagalan pembeli untuk menerima barang. Risiko Politik & Negara: Sekatan atau kelewatan dalam pemindahan bayaran, pengenaan atau pembatalan lesen import, peperangan antara negara pembeli dan Malaysia, peperangan, revolusi, dan gangguan ketenteraman awam di negara pembeli, dan kegagalan oleh pembeli kerajaan.	Risiko Komersial: Ketidakmampuan dan kegagalan pembeli/Bank Pengeluar untuk membuat pembayaran.
Terma Pembayaran	Surat Kredit Tidak Boleh Dibatalkan (Irrevocable Letter of Credit/ILC), Dokumen Terhadap Pembayaran (Documents Against Payment/DP), Dokumen Terhadap Penerimaan (Documents Against Acceptance/DA) dan Akaun Terbuka (Open Account/OA).	
Permulaan Perlindungan	Perlindungan pendedahan risiko bermula setelah barang dihantar kepada Pembeli Luar Negara.	Perlindungan pendedahan risiko bermula setelah barang diterima oleh Pembeli Domestik.

Pengecualian: Jika anda gagal memenuhi kewajipan anda, Sijil Takaful anda tidak akan dikuatkuasakan. Oleh itu, transaksi perniagaan tidak akan dilindungi.

3. Ketahui Tanggungjawab Anda

Jumlah sumbangan anda bergantung pada kriteria berikut:

- Terma Pembayaran
- Penilaian Pembeli/ Komuniti
- Pengalaman perdagangan dan sejarah tuntutan
- Jenis perlindungan: cth. Pusingan (Turnover) keseluruhan atau Sijil Terpilih

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

- **Eksport:** Yuran Permohonan Had Kredit (Credit Limit Application/CLA) (RM250 setiap pembeli), Semakan tahunan Pembeli (RM250 setiap pembeli), Yuran Permulaan (RM250), Yuran Pembaharuan (RM100)
- **Domestik/Import:** Yuran Permohonan Had Kredit (Credit Limit Application/CLA) (RM50 setiap pembeli), Semakan tahunan Pembeli (RM50 setiap pembeli), Yuran Permulaan (RM250), Yuran Pembaharuan (RM100).
- Yuran langganan di bawah eksport TCT akan secara automatik merangkumi perlindungan Domestik TCT.

4. Terma Utama Lain

- **Pembatalan Sijil:** Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Bank. Anda berhak mendapat bayaran balik sumbangan berdasarkan tempoh perlindungan yang belum tamat tempoh, tertakluk kepada terma dan syarat sijil.
- **Perubahan Butiran Perhubungan:** Anda mesti memaklumkan kepada pihak Bank tentang sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh berbuat demikian menerusi laman web atau menghubungi pusat khidmat pelanggan kami di +603 2601 2000.

Bantuan dan Penyelesaian

Jika anda mempunyai aduan atau memerlukan bantuan, anda boleh menghubungi:



Export-Import Bank of Malaysia Berhad

+603 2601 2000

communications@exim.com.my

www.exim.com.my



Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Untuk perkhidmatan percuma seperti kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang bagi PKS

+603 2616 7766

https://www.akpk.org.my/?latest-updates=all



Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK
Jika anda tidak berpuas hati dengan penyelesaian aduan yang diberikan oleh pihak Bank

1-300-88-5465

bnmtelexlink@bnm.gov.my



Financial Market Ombudsman Service (FMOS)

+603 2272 2811

www.fmos.org.my

Penafian: Maklumat, terma dan syarat dalam helaian pendedahan produk ini adalah bersifat indikatif dan tidak mengikat Bank. Terma dan syarat muktamad akan dinyatakan dalam Surat Tawaran/ Surat Kemudahan/ Perjanjian Induk selepas penilaian kredit yang sewajarnya serta kelulusan akhir oleh pihak pengurusan Bank.

NOTA PENTING: ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DENGAN BAIK DAN BERBINCANG DENGAN PENGURUS PERHUBUNGAN UNTUK MAKLUMAT LANJUT. KAMI TIDAK AKAN MENANGGUNG SEBARANG LIABILITI SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN ATAS SUMBANGAN YANG DIKENAKAN OLEH KAMI ATAS PERLINDUNGAN YANG BERKAITAN.

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan memahami apa yang anda tandatangi.

- ☐ Saya mengakui bahawa EXIM Bank telah memberikan saya salinan LMP.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam LMP ini.

*Pengakuan pelanggan terhadap LMP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya timbul sebarang pertikaian berhubung terma dan syarat produk pada masa akan datang.

Nama: _____ Cop Syarikat
Tarikh: _____